



8

PENGURUSAN DATA



TAFSIR CARTA PAI

1

KAJIAN OLEH KELAB MATEMATIK

tajuk

CARA MURID SK BUDI
KE SEKOLAH

sektor



Sebanyak
14% murid
di sekolah kita
berjalan kaki
ke sekolah.

data
dalam
peratus

Yang menaiki
bas ke sekolah
paling ramai.

Ya, lebih daripada
separuh yang
menaiki bas.

- a. Sebanyak % murid berbasikal ke sekolah.
- b. Beza peratusan antara murid yang menaiki kereta dengan menaiki basikal ialah %.

Bincangkan maklumat lain yang boleh kamu
dapati daripada carta pai di atas.




Carta pai menunjukkan pecahan data dalam bentuk bulatan. Jumlah peratusan carta pai mesti 100%.



8.1.1

- Kumpulkan beberapa carta pai yang terdapat dalam majalah, buku atau keratan akhbar.
- Minta murid mentafsir maklumat daripada carta pai berkenaan secara berkumpulan dan membentangkan hasil kerja masing-masing.

2 Aktiviti Masa Lapang oleh 80 orang Murid Tahun 6



a Cari peratusan aktiviti *Saidina*.

$$\begin{aligned} 100\% - (10\% + 35\% \\ + 22.5\% + 17.5\%) \\ = 100\% - 85\% \\ = \mathbf{15\%} \end{aligned}$$

Peratusan aktiviti *Saidina* ialah **15%**.

b Kira bilangan murid bagi aktiviti yang paling tinggi peratusannya.

Permainan yang paling tinggi peratusannya ialah *Sahibba*.



$$\begin{aligned} 35\% \text{ daripada } 80 \text{ orang murid} &= \frac{35}{100} \times \frac{4}{80} \text{ orang murid} \\ &= 28 \text{ orang murid} \end{aligned}$$

Bilangan murid bagi aktiviti yang paling tinggi peratusannya ialah **28 orang**.

35% murid bermain *Sahibba*.



c Berapakah bilangan murid yang bermain *Sudoku*?
Peratusan bagi *Sudoku* ialah 10%.

$$\begin{aligned} 10\% \text{ daripada } 80 \text{ orang murid} &= \frac{10}{100} \times 80 \text{ orang murid} \\ &= 8 \text{ orang murid} \end{aligned}$$


Bilangan murid yang bermain *Sudoku* ialah **8 orang**.

Adakah beza antara bilangan murid yang bermain dam dengan catur melebihi 5 orang? Bincangkan.



- Pelbagaikan soalan seperti mencari bilangan murid bagi dam, beza antara bilangan murid yang bermain *Sudoku* dengan *Sahibba* dan jumlah murid bagi dam dan *Sudoku*.
- Tegaskan pengurusan masa seharian supaya masa belajar lebih daripada masa bermain.

3 Jenis Buku Kegemaran Murid Tahun 5 Dedikasi



Hitung peratusan penggemar komik.

6 orang daripada 30 orang murid gemar membaca komik.

Pecahan penggemar komik ialah $\frac{6}{30}$.

$$\text{Peratusan penggemar komik} = \frac{6}{30} \times 100\% = 20\%$$


Peratusan penggemar komik ialah **20%**.

Adakah peratusan penggemar buku fiksyen dengan bukan fiksyen ialah 80%? Buktikan.



CUBA INI

1 Sukan yang Diminati oleh 200 Orang Murid



Teliti carta pai di sebelah dan jawab soalan yang diberikan.

- Apakah sukan yang paling diminati?
- Berapakah peratusan pemain pingpong?
- Kira bilangan pemain hoki.
- Hitung beza antara bilangan pemain pingpong dengan pemain badminton.

2 Jawab soalan di bawah berpandukan carta pai warna kegemaran yang ditunjukkan.

- Berapakah peratusan peminat warna merah?
- Kira beza peratusan antara peminat warna biru dengan warna putih.
- Adakah peratusan peminat warna hitam mewakili 12.5%? Buktikan.

Warna Kegemaran



8.1.1

Galakkan murid mereka soalan sendiri berpandukan carta pai dan minta rakan menjawab soalan itu.



MOD, JULAT, MEDIAN DAN MIN

1

Kekerapan, mod dan julat bagi data

nilai derma terkecil
atau nilai minimum

mod

nilai derma
terbesar atau
nilai maksimum

Wang Derma (RM)	Bilangan penderma
RM10	1
RM12	4
RM15	3
RM20	2
RM25	1

kekerapan
paling tinggi

Julat ialah beza nilai
maksimum dengan
nilai minimum.

Kekerapan wang derma
RM12 ialah 4. **RM12** ialah
mod kerana mempunyai
kekerapan paling tinggi.
Apakah julat data?

Julat data ialah
RM15, cikgu.
RM25 tolak RM10
sama dengan **RM15**.

Kekerapan ialah bilangan sesuatu nilai dalam satu set data.

Mod ialah nilai yang paling kerap muncul dalam satu set data.

Julat ialah perbezaan antara nilai terbesar dengan nilai terkecil dalam satu set data.



14 13 13 15 12 13 10 15

Apakah nombor dalam supaya set data ini mempunyai mod 12?
Nyatakan julat bagi data.



2

Jadual di bawah menunjukkan rekod masa peserta lelaki tahun 5 Rumah Kenari dalam satu larian merentas desa.



Rekod Masa Larian Merentas Desa

Nama	Masa
Zariq	26 minit
Peter Tan	23 minit
Hakimi	25 minit
Fazil	25 minit
Harvinder	26 minit
Cheng	28 minit
Amer	26 minit
Ikhwan	29 minit
Jason	26 minit

Rekod Masa Larian Merentas Desa

23 minit	1 orang
25 minit	2 orang
26 minit	4 orang
28 minit	1 orang
29 minit	1 orang

1 orang mewakili 1 orang

Piktograf ini mewakili data rekod masa di sebelah. Kita akan menentukan median dan min bagi data ini.

- a Susun data secara menaik seperti berikut:
23, 25, 25, 26, **26**, 26, 26, 28, 29

Data kelima berada di **tengah-tengah** data.
Jadi, **median** ialah **26 minit**.

b Min =
$$\frac{23 + 25 + 25 + 26 + 26 + 26 + 26 + 28 + 29}{1 + 2 + 4 + 1 + 1}$$

Jumlah masa
Jumlah bilangan peserta

$$= \frac{(1 \times 23) + (2 \times 25) + (4 \times 26) + (1 \times 28) + (1 \times 29)}{9}$$

$$= \frac{(23 + 50 + 104 + 28 + 29)}{9}$$

$$= \frac{234}{9}$$

$$= 26$$

Min ialah **26 minit**.

Apakah mod dan julat bagi data di atas?



Median ialah data yang berada di tengah-tengah set data yang disusun secara menaik atau menurun.

Min ialah hasil yang diperoleh dengan membahagikan jumlah keseluruhan nilai dalam satu set data dengan bilangan data. Min dikenali juga sebagai purata.



8.2.1

- Jelaskan maksud median dan min.
- Bimbing murid menentukan mod, julat, median dan min daripada set data yang lain.

- 3 Carta palang menunjukkan wang saku harian bagi 10 orang murid.

Tentukan:

- mod.
- julat.
- median.
- min.



Kenal pasti maklumat yang sedia ada.



- a RM5 mempunyai kekerapan tertinggi, iaitu 4. Mod ialah RM5.

- b Julat = nilai maksimum – nilai minimum
 $= RM7 - RM4$
 $= RM3$

Julat ialah RM3.

- c Susun data secara menurun:
 RM7, RM7, RM7, RM6, **RM5, RM5**, RM5, RM5, RM4, RM4

dua data di tengah-tengah

$$\begin{aligned}\text{Median} &= \frac{RM5 + RM5}{2} \\ &= \frac{RM10}{2} \\ &= RM5\end{aligned}$$

Median ialah RM5.



Kira purata bagi dua data di tengah-tengah untuk mendapatkan median.

d $\text{Min} = \frac{\text{jumlah nilai wang}}{\text{jumlah bilangan murid}}$

$$\begin{aligned}&= \frac{(2 \times 4) + (4 \times 5) + (1 \times 6) + (3 \times 7)}{2 + 4 + 1 + 3} \\ &= \frac{8 + 20 + 6 + 21}{10} \\ &= \frac{55}{10} \\ &= 5.5\end{aligned}$$

Min ialah RM5.50.



2 orang murid lain membawa RM7. Adakah mod berubah? Bincangkan.



- 4 Carta pai menunjukkan jisim bahan kitar semula yang dikumpulkan oleh 10 orang murid.

Nyatakan:

- a mod. b median. c min.

Bahan Kitar Semula yang Dikumpulkan



a	Jisim	10 kg	12 kg	14 kg	16 kg
	Peratus	20%	30%	40%	10%
	Bilangan murid	$\frac{20}{100} \times 10$ = 2	$\frac{30}{100} \times 10$ = 3	$\frac{40}{100} \times 10$ = 4	$\frac{10}{100} \times 10$ = 1

Bilangan murid yang mengumpulkan 14 kg bahan kitar semula adalah paling ramai.

Mod ialah 14 kg.

- b Susun data secara menaik:
10, 10, 12, 12, 12, 14, 14, 14, 14, 16

$$\begin{aligned}\text{Median} &= \frac{12 \text{ kg} + 14 \text{ kg}}{2} \\ &= 13 \text{ kg}\end{aligned}$$

Median ialah 13 kg.

$$\begin{aligned}\text{c Min} &= \frac{\text{Jumlah jisim}}{\text{Jumlah murid}} \\ &= \frac{(2 \times 10) + (3 \times 12) + (4 \times 14) + (1 \times 16)}{2 + 3 + 4 + 1} \\ &= \frac{20 + 36 + 56 + 16}{10} \\ &= \frac{128}{10} \\ &= 12.8\end{aligned}$$

Min ialah 12.8 kg.

2 orang murid lain berjaya mengumpulkan 10 kg bahan kitar semula. Adakah median data terkini sama dengan 12 kg? Bincangkan.



1	Kelas	Kuiz 1	Kuiz 2
	Alpha	78	92
	Beta	82	90
	Sigma	86	91
	Thetha	80	88

Berpandukan jadual di sebelah, apakah julat markah bagi markah:

- a kuiz 1?
b kuiz 2?

- 2 Piktograf menunjukkan masa yang diambil oleh beberapa orang murid untuk bersukan dalam sehari. Tentukan:

- a julat. b mod. c median.

Masa Bersukan

45 minit	
60 minit	
75 minit	

 mewakili 2 orang murid

- 3 Pungutan Mata bagi 10 orang Pemanah




Carta palang menunjukkan pungutan mata bagi 10 orang pemanah.

- a Nyatakan:
i mod. ii median.
b Hitung min.

- 4 Carta pai menunjukkan bilangan gasing *Beyblade* yang dimiliki oleh 10 orang murid. Hitung:

- a julat.
b mod.
c min.

Bilangan Gasing *Beyblade*





SELESAIKAN MASALAH

- 1 Catatan menunjukkan ketinggian bagi 10 orang murid. Cari julat, mod dan median bagi ketinggian sekumpulan murid itu.

Tinggi dalam meter

1.25, 1.25, 1.25, 1.30,
1.15, 1.30, 1.25, 1.25,
1.30, 1.25

Fahami soalan

- Ada 10 data ketinggian murid.
- Cari julat, mod dan median.

Fikir cara

Susun data secara menaik.

tinggi minimum

- Kenal pasti julat, mod dan median.

tinggi maksimum

Selesaikan

1.15, 1.25, 1.25, 1.25, 1.25, 1.25, 1.25, 1.30, 1.30, 1.30

tinggi minimum

dua data di tengah-tengah

tinggi maksimum

$$\begin{aligned}\text{Julat} &= \text{tinggi maksimum} - \text{tinggi minimum} \\ &= 1.30 \text{ m} - 1.15 \text{ m} \\ &= 0.15 \text{ m}\end{aligned}$$

Julat ialah 0.15 m.

Kekerapan bagi 1.25 m paling tinggi, iaitu 6 orang.

Mod ialah 1.25 m.

Median terletak pada data kelima dan data keenam.

$$\begin{aligned}\text{Median} &= \frac{1.25 \text{ m} + 1.25 \text{ m}}{2} \\ &= \frac{2.5 \text{ m}}{2} \\ &= 1.25 \text{ m}\end{aligned}$$

Median ialah 1.25 m.

Kira min bagi data ini.




8.3.1

- Bentuk satu kumpulan seramai 10 orang murid dan kumpulkan data ketinggian ahli kumpulan. Seterusnya, cari julat, mod, median dan min bagi data itu.
- Laksanakan aktiviti Jalan Galeri dan bincangkan langkah pengiraan yang dibuat.

- 2 Sebanyak 10 orang peserta telah menyertai satu kuiz sains. Markah setiap peserta ditunjukkan pada carta palang. Tentukan:

a julat. b mod. c min.



Fahami soalan

- Markah kuiz 10 orang peserta.

Markah	100	95	90	85	80
Bilangan peserta	1	4	2	2	1

- Cari julat, mod dan min.

Fikir cara

- Kenal pasti:
 - markah maksimum.
 - markah minimum.
 - kekerapan tertinggi.
- Susun data.
- Jumlahkan markah bagi 10 orang peserta.

Selesaikan

- a Markah maksimum ialah 100.
Markah minimum ialah 80.

$$\text{Julat} = 100 - 80$$

$$= 20$$

Julat ialah 20.

- c Jumlah markah

$$= (1 \times 100) + (4 \times 95) + (2 \times 90) + (2 \times 85) + (1 \times 80)$$

$$= 100 + 380 + 180 + 170 + 80$$

$$= 910$$

$$\begin{aligned} \text{Min} &= \frac{910}{10} \\ &= 91 \end{aligned}$$

Min ialah 91.

- b Markah 95 mempunyai kekerapan paling tinggi, iaitu 4 orang.

Mod ialah 95 markah.



Apakah median bagi data di atas?



- 3 Carta pai menunjukkan bilangan jeli bagi empat perisa di dalam sebuah bekas.

- a Berapakah peratusan jeli berperisa kiwi?
b Kira min bilangan jeli bagi setiap perisa.



Penyelesaian

Kiwi	Mangga	Anggur	Strawberi
20	13	25	22
? %		100%	

Jumlahkan 20, 13, 25 dan 22 untuk mendapatkan jumlah bilangan jeli.
Ada 4 perisa jeli.

- a Bilangan jeli berperisa kiwi = 20
Jumlah bilangan jeli
= 20 + 13 + 25 + 22
= 80

Peratusan jeli berperisa kiwi

$$= \frac{20}{80} \times 100\% = 25\%$$

- b Min = $\frac{\text{Jumlah bilangan jeli}}{\text{Bilangan perisa}}$
= $\frac{80}{4}$
= 20

Peratusan jeli berperisa kiwi ialah 25%.

Min bilangan jeli bagi setiap perisa ialah 20.





Selesaikan masalah yang berikut.

- a Jadual menunjukkan wang tabungan Syira dalam 10 hari.

Wang tabungan	RM0.50	RM1	RM1.50
Bilangan hari	2	5	3

Cari julat, mod, median dan min.

- b Ben mengumpulkan data jisim rakan-rakannya. Dia mewakili data tersebut dalam piktograf seperti yang ditunjukkan. Tentukan julat, mod, median dan min bagi jisim rakan-rakannya.

Jisim Sekumpulan Murid


28 kg	♣ ♣ ♣ ♣ ♣
30 kg	♣ ♣ ♣
32 kg	♣ ♣

♣ mewakili 1 orang murid

- c Carta palang menunjukkan markah Kuiz Alam Sekitar bagi murid Cikgu Shanker.

- Apakah julat markah kuiz mereka?
- Adakah median markah kuiz itu sama dengan 62? Buktikan.
- Hitung min markah kuiz mereka.


Markah Kuiz Alam Sekitar



- d Carta pai menunjukkan tempoh belajar, dalam jam, bagi 10 orang murid dalam seminggu.

- Tentukan mod, median dan min.
- Nyatakan nisbah bilangan murid yang belajar 7 jam kepada jumlah semua murid.

Jumlah Jam Belajar dalam Seminggu



1 Carta pai menunjukkan makanan kegemaran 10 orang murid.

- Kira bilangan murid yang gemar makan nasi ayam.
- Hitung beza antara bilangan murid yang gemar makan nasi beriani dengan nasi ayam.
- Berapakah pecahan murid yang gemar makan nasi goreng daripada jumlah murid?



2 Yang berikut ialah isi padu botol air yang dibawa oleh 9 orang murid.

Wanie 800 mL, Pauline 750 mL, Imah 500 mL, Airis 750 mL, Prema 500 mL, Noni 800 mL, Jenny 750 mL, Anita 500 mL, Kogila 500 mL

Nyatakan: **a** julat. **b** mod. **c** median. **d** min.

3 Piktograf menunjukkan derma jogaton daripada beberapa orang penderma.

- Berapakah bilangan orang yang menderma RM4?
- Cari julat, mod, median dan min.
- Hitung peratusan penderma yang menderma RM4 daripada jumlah penderma.



4 Carta palang menunjukkan wang simpanan bulanan bagi 10 orang murid Kelas 5 Gemilang.

- Tentukan julat, mod, median dan min.
- Nyatakan pecahan murid yang menyimpan RM15 daripada jumlah murid.



AKTIVITI BERPASANGAN

Alat/Bahan buah dadu, kertas A4, pen

Tugasan

- 1 Lontar buah dadu sebanyak 10 kali.
- 2 Catat nombor dadu bagi setiap kali lontaran dadu pada kertas A4.
Contoh: 2, 3, 3, 4, 4, 1, 6, 3, 5, 1
- 3 Buat jadual. Contoh:

Nombor pada dadu	1	2	3	4	5	6
Kekerapan	2	1	3	2	1	1
- 4 Cari julat, mod, median dan min.

AKTIVITI BERKUMPULAN

Alat/Bahan kad tugas, alat penimbang jisim badan, pita ukur, kertas, pen, perisian MS Excel/MS Word

Cara

- 1 Ketua kumpulan mengundi satu tugas seperti di bawah.

Tugasan 1

Kumpul data ketinggian (cm) daripada 10 orang rakan.

Tugasan 2

Kumpul data wang saku sehari daripada 10 orang rakan.

Tugasan 3

Kumpul data jisim badan (kg) daripada 10 orang rakan.

Tugasan 4

Kumpul data bilangan adik-beradik daripada 10 orang rakan.

- 2 Setiap kumpulan merekodkan data menggunakan perisian yang sesuai seperti MS Excel atau MS Word.
- 3 Cari julat, mod, median dan min dengan menunjukkan pengiraan secara terperinci.
- 4 Pancarkan hasil kerja secara Jalan Galeri (*Gallery Walk*).




A Pilih jawapan yang betul.

- 1 Antara yang berikut, pernyataan yang mana salah?
- A $\frac{1}{4}$ jam = 15 minit
 B $\frac{1}{2}$ hari = 12 jam
 C $\frac{1}{4}$ tahun = 3 bulan
 D $\frac{1}{2}$ dekad = 10 tahun
- 2 Padanan yang mana benar?
- | | |
|-------------|---------|
| A 0.2 jam | 3 bulan |
| B 0.25 hari | 6 minit |
| C 0.5 tahun | 2 tahun |
| D 0.1 dekad | 6 jam |
- 3 Berapakah beza antara 5 hari 10 jam dengan 2 hari 15 jam?
- A 2 hari 5 jam B 2 hari 19 jam
 C 3 hari 5 jam D 3 hari 19 jam
- 4 $8\frac{1}{2}$ jam + 3 jam 37 minit =
- A 11 jam 49 minit B 12 jam 7 minit
 C 11 jam 57 minit D 12 jam 17 minit
- 5 1 abad 59 tahun - 0.12 abad =
- A 39 tahun B 47 tahun
 C 147 tahun D 171 tahun
- 6 Berapakah tempoh, dalam hari, dari 7 Februari hingga 15 Mei 2020?
- A 97 hari B 99 hari
 C 10 hari D 103 hari
- 7 1.5 cm = mm
- A 0.015 B 0.15 C 15 D 150
- 8 180 m = km
- A 18 B 1.8 C 0.18 D 0.018

- 9 $2\frac{3}{4}$ m = cm
- A 2.75 B 27.5 C 275 D 2 750
- 10 $5\frac{1}{5}$ km + 0.7 km + 130 m = m
- A 6 030 B 6 080
 C 6 330 D 6 580
- 11 $16\frac{7}{10}$ m - 850 cm - 3.5 m = cm
- A 452 B 470 C 722 D 785
- 12 Penukaran unit yang mana betul?
- A 4.5 kg = 450 g
 B 1.03 kg = 1 030 g
 C 0.85 kg = 85 g
 D 14.2 kg = 1 420 g
- 13 $4\frac{1}{4}$ kg = g
- A 414 B 425 C 4 140 D 4 250
- 14 $4\frac{4}{5}$ kg $\div$ 100 = g
- A 0.48 B 4.8 C 48 D 480
- 15 $8.5 \text{ l} + 3\frac{1}{2} \text{ l} + 90 \text{ ml} =$
- A 12.09 l B 12.9 l
 C 13.09 l D 13.9 l
- 16 Berpandukan gambar pentagon sekata, apakah nilai sudut x?
- A 95° B 103°
 C 108° D 110°
- 17 3 cm
- Hitung perimeter, dalam cm, bagi gabungan dua heksagon sekata.
- A 30 cm B 33 cm
 C 36 cm D 39 cm

- 18 Gambar rajah menunjukkan gabungan segi empat sama dan segi tiga bersudut tegak. Hitung luas, dalam cm^2 , bagi gambar rajah di atas.



- A 31 cm^2 B 28 cm^2
C 24 cm^2 D 22 cm^2

- 19 $2\frac{1}{4}$ jam =

- A 125 minit B 135 minit
C 145 minit D 160 minit

- 20 Antara yang berikut, pernyataan yang mana benar?

- A $\frac{1}{2}$ abad = 5 tahun
B $\frac{1}{5}$ abad = 25 tahun
C $\frac{1}{4}$ abad = 30 tahun
D $\frac{1}{10}$ abad = 10 tahun

- 21 Tempoh Zaleha menjawab soalan peperiksaan

Bahagian	Tempoh
A	1.2 jam
B	0.7 jam

Hitung beza tempoh yang diambil, dalam minit, untuk menjawab soalan bahagian A dan bahagian B.

- A 20 minit B 30 minit
C 40 minit D 50 minit

- 22  Isi padu air di dalam baldi yang ditunjukkan adalah sama dengan jumlah isi padu air di dalam 20 biji gelas yang sama saiz. Hitung isi padu air di dalam sebiji gelas.

$4\frac{4}{5}$ l

- A 220 ml B 230 ml
C 240 ml D 250 ml

- 23 Jadual menunjukkan isi padu jus anggur di dalam tiga buah jag R, S dan T.

Jag	Isi padu
R	9 l 680 ml
S	$5\frac{1}{4}$ l
T	4.5 l

Berapakah jumlah isi padu jus anggur di dalam jag R, S dan T?

- A 19.43 l B 19.53 l
C 20.43 l D 20.53 l


- 24 Gambar menunjukkan sebatang jalan yang lurus.



5 tiang lampu dipasang dalam satu baris dengan jarak yang sama di antara satu sama lain. Jarak dari tiang lampu pertama ke tiang lampu kelima ialah $3\frac{3}{5}$ km. Hitung jarak, dalam m, di antara tiang lampu pertama dengan tiang lampu kedua.

- A 720 m B 760 m
C 900 m D 950 m

- 25 Gambar rajah menunjukkan gabungan kuboid M dan kubus N.



Isi padu bentuk gabungan di atas ialah 224 cm^3 . Hitung panjang, dalam cm, bagi RS.

- A 10 cm B 12 cm C 14 cm D 16 cm

- 26 Rohaida berumur 5.2 dekad. Umur Zira ialah 13 tahun lebih tua daripada umur Rohaida. Berapakah umur Zira?

A 38 tahun B 39 tahun
C 65 tahun D 67 tahun

- 27 Puan Norlia membeli $3\frac{1}{2}$ kg tepung. Dia menggunakan 1.7 kg tepung itu untuk membuat donat dan 580 g untuk menggoreng ayam. Berapakah baki jisim, dalam g, tepung itu?

A 1 022 g B 1 032 g
C 1 220 g D 1 320 g


- 28 Jadual menunjukkan isi padu jus di dalam dua bekas, X dan Y.

Bekas	Isi padu jus mangga
X	$6\frac{3}{4}$ l
Y	2.35 l lebih daripada bekas X

Berapakah isi padu jus mangga, dalam l, di dalam bekas Y?

A 13.5 l B 9.1 l C 11.45 l D 15.85 l


- 29 Satah Cartes menunjukkan kedudukan dua buah bandar, M dan N.



Hitung jarak mengufuk dan jarak mencancang dari bandar M ke bandar N.

	Jarak mengufuk	Jarak mencancang
A	4 unit	3 unit
B	3 unit	4 unit
C	4 unit	2 unit
D	2 unit	4 unit

- 30 Gambar rajah menunjukkan bekas alat tulis yang dibuat oleh Kavi untuk projek Matematik.




Berapakah isi padu, dalam cm^3 , bekas alat tulis itu?

A 512 cm^3 B 960 cm^3
C $1 024 \text{ cm}^3$ D $1 472 \text{ cm}^3$

- 31 Puan Chin membeli dua gulung kain langsir berwarna hijau dan kuning. Jumlah panjang kain langsir itu ialah $29\frac{1}{4}$ m. Panjang kain langsir hijau ialah 2 kali panjang kain langsir kuning. Hitung panjang, dalam cm, kain langsir kuning itu.

A 325 cm B 650 cm
C 975 cm D 980 cm

- 32 Carta palang menunjukkan markah Sains bagi 10 orang murid kelas 5 Hang Tuah.



Antara yang berikut, pernyataan yang mana benar tentang carta palang di atas?

A Julat ialah 10. B Mod ialah 4.
C Min ialah 58. D Median ialah 70.

B Jawab soalan yang berikut.

- 1 Gambar menunjukkan bilangan belon biru dan merah yang digantung.



Nyatakan nisbah:

- a bilangan belon merah kepada bilangan belon biru.
- b bilangan belon biru kepada jumlah bilangan belon merah dan biru.

- 2 Selesaikan.

- a $8\frac{1}{6}$ tahun + 2 tahun 7 bulan
= tahun bulan
- b 5.3 dekad - $3\frac{4}{5}$ dekad
= dekad tahun
- c 0.32 abad - 14 tahun
= tahun

- 3 a Hitung hasil darab 3.2 m dengan 85 . Nyatakan jawapan dalam cm.

b $9\frac{4}{5}$ km $\div$ 100 = m

- 4 a Gambar menunjukkan isi padu minyak masak di dalam botol. Nyatakan isi padu minyak masak dalam mL.



b $6\frac{2}{5}$ L $\div$ 10 = mL

- 5 a Namakan poligon berpandukan ciri-ciri yang berikut:


7 penjuru ► 7 sisi lurus yang sama panjang ► 7 paksi simetri ► 7 sudut cakah ► 14 pepenjuru

- b Dengan menggunakan protaktor, ukur sudut y .



Nyatakan nilai y .

- 6 Gambar rajah menunjukkan gabungan segi empat sama PQRS dan segi empat tepat TUVW.



- a Hitung perimeter, dalam cm, kawasan berwarna biru.
- b Hitung luas, dalam cm^2 , kawasan berwarna biru.

- 7 Piktograf yang tidak lengkap menunjukkan jualan aiskrim bagi empat hari.

Isnin	
Selasa	
Rabu	
Khamis	

mewakili 50 aiskrim

Bilangan aiskrim yang dijual pada hari Rabu ialah 125% daripada bilangan aiskrim yang dijual pada hari Isnin.

- a Cari beza antara bilangan aiskrim yang dijual pada hari Selasa dengan hari Khamis.
- b Hitung jualan aiskrim pada hari Rabu.

- 8 Gambar menunjukkan perbualan antara dua orang murid.

Selamat pagi. Bilakah perkhemahan unit kamu bermula? Kami sudah berada di sini $3\frac{1}{4}$ hari.



Mula pada hari Isnin pukul 10:00 pagi. Tamat pada hari Rabu pukul 12:00 tengah hari.


- a Tukar $3\frac{1}{4}$ hari kepada jam.
b Berapakah tempoh perkhemahan Kadet Remaja Sekolah?
- 9 Jadual menunjukkan bilangan guli hijau, kuning dan merah di dalam sebuah kotak. Bilangan guli biru tidak ditunjukkan.

Warna	Bilangan guli
Hijau	108
Kuning	72
Merah	30
Biru	

Lengkapkan carta pai untuk mewakili peratusan guli kuning, merah dan biru.




- 10 Gambar menunjukkan jisim tiga jenis ikan.



- a Hitung jumlah jisim, dalam kg, ketiga-tiga jenis ikan di atas.
b Hitung beza antara jisim ikan yang paling berat dengan yang paling ringan.
- 11 Puan Kalsom berumur 47 tahun. 7 tahun akan datang, umur Naqiu ialah $\frac{1}{3}$ daripada umur Puan Kalsom. Berapakah umur Naqiu sekarang?

- 12 Gambar rajah menunjukkan masa perjalanan seorang posmen dari R ke V.



Dia bermula dari R pada pukul 8:20 pagi. Pukul berapa dia akan sampai di V?


- 13 Jadual yang tidak lengkap menunjukkan jisim beg D, E dan F.

Beg	D	E	F
Jisim	$3\frac{1}{5}$ kg	5.08 kg	

Jisim beg F ialah 590 g kurang daripada jisim beg D. Hitung:

- a jisim, dalam kg, beg F.
b min, dalam kg, jisim sebuah beg.

- 14 Satah Cartes menunjukkan kedudukan sekolah K, L dan M.



- a Tandakan ☒ bagi sekolah yang mempunyai jarak mengufuk dan jarak mencancang yang sama dari asalan.

☐ Sekolah K ☐ Sekolah L ☐ Sekolah M

- b Nyatakan jarak mengufuk dan jarak mencancang dari sekolah M ke sekolah L.

Jarak mengufuk	unit
Jarak mencancang	unit

- 15 Gaji bulanan Rita ialah $\frac{3}{4}$ daripada gaji bulanan suaminya, Suresh. Jumlah gaji mereka ialah RM6 300.

- a Rita menyimpan 20% daripada jumlah gaji mereka. Berapakah jumlah gaji yang disimpan oleh Rita?
- b Berapakah gaji bulanan Suresh?

- 16 Jadual menunjukkan bilangan murid Kelas 6 Intan dan 6 Emas.

Kelas	Bilangan murid	
	Lelaki	Perempuan
6 Emas	14	16
6 Intan	12	13

- a Hitung peratusan murid lelaki Kelas 6 Intan.
- b $\frac{3}{5}$ daripada jumlah murid Kelas 6 Intan dan $\frac{1}{3}$ daripada jumlah murid Kelas 6 Emas menyertai aktiviti perkhemahan. Lengkapkan piktograf di bawah bagi mewakili bilangan murid Kelas 6 Intan dan Kelas 6 Emas yang menyertai aktiviti perkhemahan.

Bilangan Murid Kelas 6 Intan dan Kelas 6 Emas dalam Aktiviti Perkhemahan

6 Intan	
6 Emas	

mewakili 5 orang murid

- 17 Jadual yang tidak lengkap menunjukkan markah ujian Sejarah bagi 10 orang murid.

Markah	62	70	84	90
Bilangan murid	1		4	2

- a Berapakah bilangan murid yang mendapat markah 70?
- b Nyatakan mod.
- c Hitung min markah bagi 10 orang murid itu. Seterusnya, nyatakan bilangan murid yang mendapat lebih daripada min markah itu.



a.m.	Singkatan bagi ante meridiem (antemeridian) yang bermaksud sebelum tengah hari.
abad	Tempoh selama 100 tahun.
akaun pelaburan	Rekod wang yang diniagakan dan pelabur akan menerima keuntungan dalam bentuk dividen dan bonus bagi setiap tempoh tertentu.
akaun simpanan	Akaun yang membolehkan wang disimpan atau dimasukkan. Faedah atas baki akan diterima tanpa tempoh matang dan dikreditkan ke dalam akaun pada setiap bulan.
amaun	Kuantiti atau jumlah bagi sesuatu dalam bentuk nombor, saiz atau nilai.
ansuran	Bayaran yang dibuat sedikit demi sedikit untuk menyelesaikan hutang.
belian kredit	Pembelian dengan membuat kredit kepada pihak pemberi kredit. Pembayaran boleh dibuat secara ansuran dan dikenakan faedah.
belian tunai	Pembelian yang tidak dikenakan apa-apa faedah menggunakan wang tunai atau kad debit.
bonus	Bayaran tambahan selain gaji atau faedah simpanan sebagai sagu hati.
bucu	Bahagian hujung sesuatu yang bersudut.
bundar	Proses menentukan nilai nombor mengikut nilai tempat yang terhampir.
carta pai	Gambar rajah yang menunjukkan pembahagian atau pecahan data atau maklumat dalam bentuk bulatan.
carta palang	Gambar rajah yang menggunakan jalur yang sama lebar secara mencancang atau mengufuk untuk mewakili maklumat atau data.
dekad	Tempoh selama 10 tahun.
dividen	Untung yang diberikan ke atas wang yang dilaburkan untuk perniagaan atau saham.
faedah kompaun	Faedah yang diterima daripada wang simpanan atau pinjaman asal dan faedah yang terkumpul setiap tahun.
faedah mudah	Sejumlah wang yang diperolehi apabila seseorang menyimpan wang di dalam bank dalam tempoh tertentu.
hari	Tempoh selama 24 jam, dari tengah malam hingga tengah malam hari yang berikutnya.
isi padu	Ukuran ruang yang dipenuhi oleh sesuatu pepejal, cecair atau gas.
jarak mencancang	Ukuran panjang di antara dua titik atau objek yang selari dengan paksi-y.
jarak mengufuk	Ukuran panjang di antara dua titik atau objek yang selari dengan paksi-x.
julat	Perbezaan antara nilai terbesar dengan terkecil dalam satu set data.
kad kredit	Satu instrumen pembayaran yang membolehkan kita membeli barangan atau mendapatkan perkhidmatan tanpa menggunakan wang tunai.
kadaran	Pernyataan matematik yang menunjukkan hubungan antara dua kuantiti atau nilai dalam nisbah yang sama.
kalender	Sistem jadual yang menunjukkan hari, minggu dan bulan bagi sesuatu tahun.
kekerapan	Bilangan sesuatu nilai, perkara atau peristiwa yang berlaku dalam satu set data.
kuboid	Bentuk tiga dimensi yang mempunyai enam permukaan berbentuk segi empat tepat atau empat permukaan segi empat tepat dan dua permukaan segi empat sama.
kubus	Bentuk tiga dimensi yang mempunyai enam permukaan berbentuk segi empat sama. Kubus dikenali juga sebagai kiub.

luas	Ukuran besarnya sesuatu permukaan.
median	Nilai atau nombor yang berada di tengah-tengah sesuatu set data yang disusun secara menaik atau menurun.
min	Hasil yang diperoleh dengan membahagikan jumlah keseluruhan nilai dalam suatu set data dengan bilangan data. Min dikenali juga sebagai purata.
mod	Nilai atau nombor yang paling kerap muncul dalam suatu set nombor atau data.
nilai maksimum	Nilai yang tertinggi dalam satu set data.
nilai minimum	Nilai yang terendah dalam satu set data.
nisbah	Perbandingan ukuran atau nilai dengan ukuran atau nilai yang lain.
nombor bercampur	Nombor yang terdiri daripada nombor bulat dan pecahan wajar.
nombor perdana	Nombor perdana ialah nombor yang hanya boleh dibahagi dengan 1 dan dirinya sendiri.
p.m.	Singkatan bagi post meridiem (postmeridian) yang bermaksud selepas tengah hari yang merujuk waktu selepas tengah hari sehingga sebelum tengah malam.
paksi simetri	Garis yang membahagi dua sama besar sesuatu poligon atau bentuk.
penjuru	Tempat bertemunya dua garisan. Juga dikenali sebagai bucu.
perimeter	Ukuran keliling sesebuah rajah, bentuk atau kawasan.
piktograf	Rajah yang terdiri daripada gambar atau simbol bagi mewakili sesuatu kuantiti atau sekumpulan data.
pinjaman	Hutang yang perlu dibayar oleh seseorang.
pola	Corak tertentu dalam senarai nombor atau objek yang disusun.
poligon sekata	Bentuk dua dimensi dengan tiga atau lebih sisi lurus yang sama panjang.
protraktor	Alat untuk mengukur sudut dan dikenali juga sebagai jangka sudut.
segi empat sama	Segi empat yang mempunyai empat sisi, empat sudut tegak dan semua sudutnya 90° .
segi empat tepat	Segi empat yang mempunyai empat sisi, empat sudut tegak, sisi yang bertentangan sama panjang dan semua sudutnya 90° .
segi tiga bersudut tegak	Segi tiga yang mempunyai tiga sisi dan bersudut tegak, 90° .
segi tiga sama sisi	Segi tiga yang mempunyai tiga sisi yang sama panjang dan semua sudutnya sama besar.
simpanan	Wang atau barang yang disimpan dan digunakan apabila perlu.
sisi	Garis lurus atau melengkung yang bercantum dan membentuk satu bentuk geometri.
sudut	Ruang antara dua garisan lurus yang bertemu.
sudut pedalaman	Ruang dalaman antara dua garisan lurus yang bertemu.
tahun lompat	Tahun yang mempunyai 366 hari dengan bulan Februari mempunyai 29 hari dan berlaku setiap empat tahun.
tarikh	Hari, bulan dan tahun tertentu dalam kalendar.
tempoh	Masa dari mula hingga akhir peristiwa.
tertib menaik	Susunan nombor daripada nilai yang terkecil kepada nilai yang terbesar.
tertib menurun	Susunan nombor daripada nilai yang terbesar kepada nilai yang terkecil.
wang tunai	Wang kertas atau duit syiling yang dibayar secara terus untuk membeli barang atau perkhidmatan.
wang pendahuluan	Sebahagian wang yang dibayar dahulu atas pembelian barangan atau perkhidmatan. Baki harga barangan atau perkhidmatan akan dibayar secara ansuran.

UNIT 1 NOMBOR BULAT DAN OPERASI

UIT MINDA HALAMAN 3

303 142, 520 314, 531 024 dan terima jawapan lain yang munasabah.

UIT MINDA HALAMAN 9

Y, X, Z, W

UIT MINDA HALAMAN 16

110 000

UIT MINDA HALAMAN 18

475 300, 980 000

1 000 000

UIT MINDA HALAMAN 19

4 475 + 99 721 = 104 676 dan terima jawapan lain yang munasabah.

UIT MINDA HALAMAN 22

499 312

UIT MINDA HALAMAN 26

$a = 124 \times 330$

UIT MINDA HALAMAN 27

$a = 999 \times 991$

UIT MINDA HALAMAN 31

A, 128 940

UIT MINDA HALAMAN 37

106 143

UIT MINDA HALAMAN 42

$a = 8M67 + 8M75 = 8M42$

UIT MINDA HALAMAN 44

$180 - 17 \times 3 = 129$

CUBA LAGE HALAMAN 60

- sementua dua puluh lima ribu sembilan puluh lapan
enam ratus empat puluh ribu dua ratus tiga
sembilan ratus ribu tujuh puluh satu
e. 206 081
d. 415 007

2. **Nilai tempat/Nilai digit**

a. 90	2
b. 100	700
c. 100	100
d. 100	100
e. 100	100

3. a. 90, 2

b. 500 780

c. 0 ratus ribu, 6 ratus, 0 puluh

d. 732 005

e. 17, 41, 53, 73, 89

5. a. lebih daripada

b. kurang daripada

c. kurang daripada

d. lebih daripada

6. a. 309 050, 309 120, 309 415, 309 827 / 309 827, 309 415, 309 120, 309 050

b. 901 328, 904 825, 907 915, 910 450 / 910 450, 907 915, 904 825, 901 328

7. a. 620 199 atau 620 200 dan 620 202 hingga 620 209

b. 850 124 hingga 870 999 dan 871 000 hingga 899 999

8. a. hampir 60 000

b. hampir 30 000 g atau hampir 30 kg

9. a. 505 132, 505 156, pola terbit menaik empat-empat

b. 198 440, 198 380, 198 320, pola terbit menurun seratus-seratus

c. 503 497, 703 409, pola terbit menaik seratus ribu-seratus

d. 849 007, 831 007, 819 007, pola terbit menurun sepuluh ribu-sepuluh ribu

10. a. 1. 420 000, 400 000 k. 280 000, 300 000

b. 640 000, 600 000 w. 1 000 000, 1 000 000

11. 731 691, 770 174, 803 125 dan terima jawapan lain yang munasabah.

12. a. 808 069 b. 448 225 c. 492 486 d. 477 838 e. 751 428 f. 1 570 143

g. 102 094

13. d. 447 300 b. 500 900 c. 312 000 d. 358 944 e. 365 187 f. 694 994

g. 1 000 h. 1 680 i. 156 240

14. a. 48 200 b. 7 340 c. 802 d. 168 027 e. 20 499 f. 1 3429

g. 2 778 baki 90 h. 204 082 i. 20 753 baki 3 j. 170 baki 62

15. a. 170 322 b. 560 470 c. 111 491 d. 546 152

16. a. 18 b. 7 c. 244 d. 2 e. 60 f. 1 480 084

17. a. 122 b. 49 c. 652 d. 8 499 e. 2 074 f. 1 21 684

g. 31 682 h. 18 680 i. 140 j. 3 391

17. a. 599 821

b. 1. Pakistan k. 474 026 h. 284 982

c. 1 531 120 i. 6 639

d. 9 e. 12

f. 89 g. 6

h. 15 + 15 x 3 = 165

i. 127

j. 8M750

UNIT 2 PECAHAN, PERPUKULAN DAN PERATUS

UIT MINDA HALAMAN 72

Sebarang nombor perpukulan antara 8.430 hingga 6.549.

UIT MINDA HALAMAN 74

$39 \times 2 + 45 \times 17 = 82 \times 17 = 43$ terima jawapan lain yang munasabah

CUBA LAGE HALAMAN 88

1. a. $\frac{1}{2}$ b. $\frac{10}{12}$ c. $\frac{7}{12}$ d. $\frac{9}{12}$

2. a. $\frac{16}{27}$ b. $\frac{3}{8}$ c. $\frac{8}{35}$ d. $\frac{1}{12}$

3. a. $\frac{13}{25}$ b. $\frac{22}{45}$ c. $\frac{6}{7}$ d. $\frac{3}{25}$

4.

Nombor	Satu tempaat perpukulan	Dua tempaat perpukulan	Tiga tempaat perpukulan
a. 6.24.71	5.2	6.25	6.24.7
b. 21.38.95	21.4	21.39	21.390
c. 79.0546	79.1	79.05	79.055

5. a. 18.09 b. 3.286 c. 310.718 d. 33.042 e. 103.253 f. 75.092

6. a. 12.388 b. 1.354.7 c. 4.541.45 d. 7.56 e. 1.009.6 f. 45.320

7. a. 6.453 b. 42.793 c. 0.307 d. 1.45 e. 5.914 f. 341.932

g. 8.647 h. 10.13 i. 6.732

8. a. 10 b. 500 c. 1.000 d. 1.000

9. a. 140% b. 275% c. 470% d. 550%

10. a. $\frac{1}{2}$ b. $\frac{7}{12}$ c. $\frac{4}{10}$ d. $\frac{3}{12}$

11. a. 25 b. 675

12. a. 110% b. 100%

13. a. $10 \times \frac{1}{2} \times 120 = 20$ b. 1.1265 d. 1.127 d

c. Tali bendara perlu melebihi 12.792 m i.e. 0.96 m x 2 kerana perlu dua tali nak

tali turun dan tali untuk mengikat. Cadangan panjang tali ialah 13 m.

UNIT 3 WANG

UIT MINDA HALAMAN 95

1 000 + 8M752 05 = 8M752 050 dan terima jawapan lain yang munasabah

UIT MINDA HALAMAN 98

1 000, 8M701 040, 8M701 040 + 100 dan terima jawapan lain yang munasabah

CUBA LAGE HALAMAN 115

1. a. RM223 223.45 b. RM112 740.50 c. RM672 310.90 d. RM54 002.90

2. a. RM236 191.30 b. RM377 043.15

3. a. RM308 137 dan RM225 430 b. RM7 094

4. a. RM472 156 b. RM808 038 c. RM397 597.50

d. RM910 895.40 e. RM638 250 f. RM730 400

5. a. RM91 340 b. RM52 176 c. RM1 723.40

d. RM3 024.50 e. RM5 648.99 f. RM667.37

6. a. 100 b. RM329.45 c. 100 d. RM74 800

7. a. RM22 011 b. RM5 840.90 c. RM675 321.15 d. RM793 032.95

8. a. RM48 982.80 b. RM5 659.65 c. RM495 407.15 d. RM5 831.40

9. 1. tunai 2. kupon 3. pelaburan 4. hutang

5. simpanan 6. mudah 7. kredit

10. **Pembelian secara tunai**

Tidak berhubung	Pembelian secara kredit
Tidak dikenakan faedah	Berhubung
Membayar harga asal	Oleh kerana faedah
	Membayar harga yang lebih daripada harga asal
	Bayaran menggunakan kad kredit

*Terima jawapan lain yang munasabah.

11. a. 1. RM94 829 k. RM75

b. 1. RM291.50 Ya, baki gajinya setiap bulan ialah RM1 529.30 setelah

membayar angsuran pinjaman pendidikan

c. RM1 062

d. Wang tidak mencukupi. Wang Brisk Mesut kurang sebanyak RM800.

UIT 0385 HALAMAN 112

Bagihan A

1. D 2. B 3. B 4. B 5. D 6. A 7. B 8. B 9. C 10. B 11. C 12. A 13. D

14. D 15. C 16. B 17. A 18. A 19. D 20. C 21. B 22. C 23. C 24. C 25. C 26. D

27. A 28. D 29. B 30. D 31. B 32. A 33. D 34. A 35. C

Bagihan B

1. a. ratus ribu b. 400 000 c. 313 000

2. a. 594 379 b. 487 312

3. a. 2 340 b. 600

4. a. 1. RM85 600

b. RM785 000

c. RM3 500 + RM5 000 + 3

d. RM3 500 + RM5 000 + 3

e. RM3 500 + RM5 000 + 3

f. RM3 500 + RM5 000 + 3

g. RM3 500 + RM5 000 + 3

h. RM3 500 + RM5 000 + 3

i. RM3 500 + RM5 000 + 3

j. RM3 500 + RM5 000 + 3

k. RM3 500 + RM5 000 + 3

l. RM3 500 + RM5 000 + 3

m. RM3 500 + RM5 000 + 3

n. RM3 500 + RM5 000 + 3

o. RM3 500 + RM5 000 + 3

p. RM3 500 + RM5 000 + 3

q. RM3 500 + RM5 000 + 3

r. RM3 500 + RM5 000 + 3

s. RM3 500 + RM5 000 + 3

t. RM3 500 + RM5 000 + 3

u. RM3 500 + RM5 000 + 3

- b. Adalah mudah ialah sejumlah wang yang diterima selekoh seseorang menyimpan wang dalam tempoh tertentu manakala faedah merupakan ialah faedah yang diterima daripada wang simpanan dan faedah yang terkumpul setiap tahun.

c. Kredit ialah sejumlah wang yang dipinjamkan oleh institusi kewangan. Hitunglah pinjaman yang perlu dibayar oleh seseorang.

6. a. 60% b. 37 500 c. 4 375 d. 0.25 m e. 1.2 kg f. $\frac{1}{2}$ kg
7. a. 2.05 kg f. 2 g. kg b. 0.25 m c. 10 a. RM301.00 b. RM3.700

UNIT 4 MASA DAN WAKTU

LIT MINDA HALAMAN 125

Julis, Ogos

LIT MINDA HALAMAN 127

$\frac{1}{12}$ jam = 5 minit

LIT MINDA HALAMAN 130

$\frac{1}{10}$ dekad = 1 tahun

LIT MINDA HALAMAN 137

60 o dekad

LIT MINDA HALAMAN 139

1 dekad, 10 tahun, 120 bulan

LIT MINDA HALAMAN 146

0.25

LIT MINDA HALAMAN 155

13 minit

LIT MINDA HALAMAN 161

6.1 dekad = 3.7 dekad = 24 tahun atau 6.1 dekad = 2.4 dekad = 37 tahun

LIT MINDA HALAMAN 162

$\frac{2}{3}$

CUBA LAGE HALAMAN 172

1. a. 3 hari 3 jam b. 52 hari c. 54 hari d. 174 jam
2. a. 12 b. 1 jam 12 minit c. 20 jam d. 174 jam
3. a. 33 bulan b. 1 tahun 6 bulan g. 6 dekad 9 tahun h. 137 tahun i. 123 tahun
j. 35 dekad k. 24 abad 1 dekad l. 5 dekad 75 tahun m. 823 tahun
4. a. $\frac{1}{10}$ jam b. 0.875 hari c. 3 tahun 7 bulan d. 24 tahun
e. 10 dekad 4 tahun f. 31 dekad g. 782 tahun h. 1 abad 60 tahun
5. a. 42 minit, 31 jam, 12 tahun b. 11 dekad 9 tahun c. 8 abad 5 dekad
6. a. 1.60 dekad d. 3 abad 99 tahun b. 41 tahun c. 3 abad 10 tahun
7. a. 2 tahun 8 bulan b. 31 bulan c. 3 tahun 9 bulan
8. a. 1 $\frac{2}{3}$ jam b. 35 minit k. 1 jam 5 minit l. 1 jam 55 minit
c. 1.37 tahun d. Ya 130 tahun - 115 tahun = 15 tahun e. 14 hari
f. 1.10 tahun 6 bulan g. 8.2023
h. 3 dekad i. tahun atau 6 dekad 5 tahun
i. 1. P = $\frac{7}{10}$ abad, Q = 12 dekad, R = 90 tahun
j. Ya 7 dekad = 12 dekad = 19 dekad = 1 abad 9 dekad

UNIT 5 PANJANG, JISIM DAN ISI PADU CECAIR

LIT MINDA HALAMAN 179

$\frac{2}{3}$ km

LIT MINDA HALAMAN 184

4

LIT MINDA HALAMAN 190

1. 1. 1 atau 1. 1. 5

LIT MINDA HALAMAN 194

p = 2, q = 5

LIT MINDA HALAMAN 198

0.4 kg = 1.2 kg + 3 atau 0.3 kg = 1.2 kg + 4

LIT MINDA HALAMAN 206

0.02

CUBA LAGE HALAMAN 213

1. a. 8 b. 325 c. 9 000 d. 17.03 e. 12.6 f. 43.009
2. a. 1111 b. 8221 c. 845 d. 7.055 e. 14.4 f. 46.000 g. 390 h. 7.609
3. a. 616 b. Ya 135 cm atau 1.35 m
4. a. 4 $\frac{2}{3}$ b. 3 $\frac{900}{100}$ c. 0.6 $\frac{1}{3}$ d. 8 $\frac{700}{100}$ e. $\frac{1}{2}$
5. a. 0.65 b. 49 900 c. 4.91 d. 4.800 e. 0.081 f. 28.75
6. a. 1.725 b. 11.29 c. 14.13 d. 22.228 e. 66.400 f. 0.072
7. a. 1.699 g. atau 1.699 kg b. 0.67 g
8. a. 1.083 m b. 3.1 m c. 1.600 m d. 12.09 km e. $\frac{1}{4}$ g
f. 11.25 h. 4 biji kek coklat g. 5 biji kek labak merah i. 1.25 cm j. 3 cm

UNIT 6 RUJANG

LIT MINDA HALAMAN 220

seg tiga bersudut tegak

LIT MINDA HALAMAN 226

10

10

10

10

10

10

10

10

10

10

10


10

10


Pelbagai bentuk gabungan kubus dan kuboid yang mengandungi 99 kubus kecil. Isi padu bentuk gabungan ialah 99 unit padu. Terangkan jawapan kan yang memuaskan.

CUBA LAGE HALAMAN 232

1. a



b.



2. a. $r = 90^\circ$ b. $r = 135^\circ$
3. a. 36 cm b. 28 cm
4. a. 17 m² b. 7 000 cm²
5. a. 3 224 cm² b. 17 496 mm²
6. a. 1 216 cm² b. 1 216 cm² c. Tidak, 1 216 cm² - 216 cm² = 1 000 cm²
d. 1 000 cm²

UNIT 7 KOORDINAT, NISBAH DAN KADARAN

LIT MINDA HALAMAN 237

a = 3 dan b = 5 atau 11

LIT MINDA HALAMAN 240

a. 2 : 1 b. 1 : 7

CUBA LAGE HALAMAN 241

1. a. 1 unit mengukut dan 2 unit mencancang
b. 2 unit mengukut dan 5 unit mencancang
c. 2 unit mengukut dan 3 unit mencancang
d. 4 unit mengukut dan 1 unit mencancang
2. a. 2 unit mengukut dan 1 unit mencancang
b. 4 unit mengukut dan 1 unit mencancang
3. a. 5 : 3 b. 4 : 13 c. 13 : 3
4. a. 300 ml atau 0.3 l b. 3 000 g atau 3 kg
c. 1.875 l atau 1.875 ml
5. a. 1.3 unit mengukut dan 2 unit mencancang b. Pengakap 0.3 l
c. 2 : 3 d. 3 : 4

UNIT 8 PENGURUSAN DATA

LIT MINDA HALAMAN 254


12, Julai = 5

CUBA LAGE HALAMAN 263

1. a. 4 b. 1 c. $\frac{3}{10}$
2. a. 300 ml b. 500 ml c. 750 ml d. 450 ml
3. a. 6 b. Julat = RM2, mod = RM4, median = RM4, min = RM4, 60 c. 60%
4. a. Julat = RM5, mod = RM3, median = RM17.50, min = RM8 b. $\frac{2}{3}$
LIT DISE HALAMAN 265

bagian A
1. D 2.8 3.8 4.8 5.8 6.8 7.8 8.8 9.8 10.8 11.8 12.8
13.8 14.8 15.8 16.8 17.8 18.8 19.8 20.8 21.8 22.8 23.8 24.8
25.8 26.8 27.8 28.8 29.8 30.8 31.8 32.8

bagian B
1. a. 3.4 b. 4.7 c. 10 tahun 9 bulan d. 1 dekad 5 tahun e. 18 tahun
f. 27 200 cm b. 98 m k. a. 3.750 m b. 440 m s. a. heptagon b. 120°
6. 70 cm b. 205 cm² 7. a. 50 b. 500 c. 78 jam d. 2 hari 2 jam
9. a. b. 90



10. a. 13.53 kg b. 0.72 kg atau 720 g c. 11.11 tahun d. 10.40 pagi
11. a. 2.61 kg b. 3.63 kg
12. a. 2.61 kg b. 3.63 kg
13. a. Sekolah K. b. Sekolah L. c. Sekolah M.

✓	Jarak mengukut	4 unit mengukut
	Jarak mencancang	1 unit mencancang

15. a. RM1 260 b. RM0 600
16. a. 48%
b. 100%
c. 100%
d. 100%
e. 100%
f. 100%
g. 100%
h. 100%
i. 100%
j. 100%
k. 100%
l. 100%
m. 100%
n. 100%
o. 100%
p. 100%
q. 100%
r. 100%
s. 100%
t. 100%
u. 100%
v. 100%
w. 100%
x. 100%
y. 100%
z. 100%

17. a. 3 orang b. 64 c. 78.8 orang